

07/07/2000

Desakan minimum pasukan keselamatan jayakan operasi

KUALA KANGSAR, Khamis - Kerjasama antara polis dan tentera dalam melaksanakan operasi menawan anggota kumpulan Al-Ma'unah yang bersembunyi di Bukit Jenalik, Sauk, di sini, mencapai matlamat melalui pendekatan desakan minimum.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, pasukan keselamatan menggunakan taktik berkesan iaitu desakan minimum dan tindakan mengepung kawasan yang menjadi kubu perompak itu.

"Selain itu kita juga telah mengambil tindakan merayu melalui isteri dan anak anggota kumpulan terbabit.

"Akhirnya apabila difikirkan peringatan rayuan sudah mencukupi, kita telah memberi tawaran kepada mereka untuk menyerah diri dengan memberi kata putus," katanya pada sidang akhbar di Balai Polis Bukit Kati di sini, petang ini.

Turut berada pada sidang akhbar itu ialah Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai dan Panglima Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jeneral Tan Sri Mohamad Zahidi Zainuddin.

Najib berkata, pada peringkat akhir misi, ketua kumpulan yang dikenali sebagai Amin Ghazali dan beberapa anggota kumpulan menunjukkan sikap keras hati enggan menyerah diri.

"Tapi apabila pasukan khas kita dekati mereka dengan tindakan sangat berani yang dilakukan (Panglima Markas Medan Tentera Darat) Lt Jen Datuk Zaini Mohd Said, yang tangkas menepis muncung senapang M203 yang diacukan Amin kepadanya, sehingga tertembak perompak lain, memudahkan pasukan keselamatan masuk dan mematikan langkah mereka," katanya.

Najib berkata, pada mulanya Amin mahu bersemuka dengan Zahidi tetapi Zaini menawarkan diri mengambil tempat Zahidi.

"Saya fikir Amin mempunyai motif lain. Dia mahu membunuh Jeneral Zahidi sebelum dia (Amin) dibunuh.

"Mereka fikir ini ada kena mengena dengan jihad, mereka mahu menggunakan keganasan dan mencetuskan huru-hara serta tidak tahu sebenarnya mereka terbawa-bawa dengan matlamat menubuhkan kerajaan Islam," katanya.

Najib berkata, beliau sudah memaklumkan kejayaan misi itu kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Mereka gembira dan bersyukur atas kejayaan itu serta menyampaikan ucapan tahniah dan setinggi penghargaan atas kejayaan cemerlang itu," katanya.

Menurutnya, siasatan yang dibuat membuktikan sebahagian besar anggota kumpulan itu telah disesatkan atau ditipu oleh Amin dan beberapa anggota lain.

"Mereka mendakwa bahawa mereka tidak mempunyai tujuan untuk terbabit dalam rompak senjata atau penggunaan senjata kerana tertarik kepada ajaran kerohanian dan kebatinan.

"Tetapi jelas sekali mereka telah disesatkan. Disebabkan itulah mereka yang sedar telah keluar lebih awal," katanya.

Siasatan mendapati Amin ialah bekas anggota rejimen khas risikan berpangkat prebet.

"Dia cuma berpangkat prebet tetapi dipandang tinggi oleh kumpulan itu yang meletakkan martabatnya sebagai mahaguru," katanya.

Ditanya sama ada ahli kumpulan perompak lain mendapat latihan profesional dalam ketenteraan, beliau berkata: "Mereka tidak mendapat

latihan. Ini kali pertama mereka memegang senjata tetapi kita perlu siasat untuk memastikannya."

(END)